

TALKING POINT  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS  
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN  
PADA 2 FEBRUARI 2010  
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Salam Satu  
Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan Universiti Malaysia  
Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), Ahroonsawad (Bahasa Thai).

## TALKING POINT

Hadirin sekalian,

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T diatas kesempatan yang diberikan kepada kita untuk bersama bagi menjayakan pertemuan kita melalui Perjumpaan Bersama Naib Canselor. Terima kasih kepada anda kerana masih teguh menyokong perjumpaan mingguan yang kita praktikkan selama ini.

Ladies and gentlemen,

As I walked out of my house after having a breakfast with my wife today, I keep thinking the suitable word I want to share with all of you. So for today, I just want to share a poem regarding what you should do for today...

*For today...*

*Smile at a stranger.*

*Listen to someone's heart.*

*Drop a coin where a child can find it.*

*Learn something new, then teach it to someone.*

*Tell someone you're thinking of them.*

*Hug a loved one.  
Don't hold a grudge.  
Don't be afraid to say "I'm sorry".*

*Look a child in the eye and tell them how great they are.  
Look beyond the face of a person into their heart.  
Make a promise, and keep it.*

*Call someone, for no other reason than to just say "hi".  
Stand up for what you believe in.*

*Smell the rain, feel the breeze, listen to the wind.  
Use all your senses to their fullest.  
Cherish all your today's!*

Hadirin sekalian,

Bercakap soal '*perkara yang perlu kita lakukan*', kita telahpun melakukan perkara yang sepatutnya dengan tertubuhnya Anjung UniMAP yang ke – 2 di Kulim. Malah kita juga telah mengadakan Majlis Perasmian Anjung UniMAP Kulim yang berlangsung semalam, 2 Februari 2010 di Kulim High Technology Park. Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang juga merupakan Tuanku Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis iaitu Pro-Canselor UniMAP, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalel telah sudi berangkat bercemar duli hadir dan merasmikan Anjung UniMAP Kulim.

Seperti yang kita sedia maklum, Pejabat Anjung UniMAP Kulim bukan sahaja memikul tanggungjawab untuk menguruskan urusan promosi UniMAP sahaja, namun sebagai “one stop communications centre”, Anjung berperanan untuk mendekatkan hubungan antara UniMAP dengan lebih 56 industri di bawah pengurusan KHIP serta alumni UniMAP itu sendiri. Saya amat berharap agar Pejabat Anjung UniMAP Kulim akan memaksimumkan peranannya sebagai pusat latihan terkemuka di masa hadapan sekali gus menyumbang dalam pembangunan modal insan di Koridor Utara ini.

Hadirin sekalian,

Hari ini juga, para penyelidik kita masing-masing dalam perjalanan ke Kuala Lumpur bagi menghadiri Malaysia Technology Expo (MTE) 2010 yang akan berlangsung bermula pada 4 hingga 5 Februari 2010 bertempat di PWTC. Kita telah menghantar 27 produk penyelidikan yang telah disenarai pendek di peringkat UniMAP dan diyakini mempunyai potensi yang tinggi untuk menambat hati para juri di sana. Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini, ingin mengucapkan selamat berjaya kepada para penyelidik kita dan marilah kita bersama-sama berdoa agar para penyelidik kita akan berjaya membawa pulang berita gembira buat kita di sini. Amin.

Hadirin sekalian,

Saya ingin menarik perhatian anda mengenai berita yang disiarkan di kaca televisyen mengenai kesalahan yang dilakukan oleh ‘bloggers’. Saya tahu

ramai di antara kita yang berminat dalam bidang penulisan. Tidak dinafikan bahawa blog antara tempat yang sesuai bagi mempraktikkan bidang penulisan anda. Untuk pengetahuan semua, saya juga mempunyai blog saya sendiri tapi suka saya ingatkan, jangan jadikan alam maya (internet) sebagai medan menyebarkan dan menghina institusi dan negara kita - Malaysia.

Kita sebagai rakyat Malaysia sepatutnya berbangga dan bersyukur kerana dilahirkan sebagai warganegara Malaysia. Tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya, kita pula yang mengkritik dan mempersoalkan hak dan perkara itu telah tersebar di serata dunia. Kita memperlihatkan kelemahan diri kita kepada musuh-musuh kita yang sedia menanti untuk melihat Negara kita huru – hara.

Sebagai Naib Canselor, saya menentang sekeras-kerasnya perbuatan yang tidak moral ini. Saya ingin mengingatkan kepada seluruh warga UniMAP agar tidak melibatkan diri dalam perkara yang tidak berfaedah seperti itu. Hal ini kerana, tiada faedahnya memburuk dan mempersendakan Negara sendiri, ibarat, ***‘meludah ke langit, jatuh ke muka sendiri’***. Saya harap anda akan merenungi kata-kata saya tadi. Bukan bermaksud menyekat tetapi hanya menasihati. Gunakan akal waras kita untuk memikirkan baik buruk setiap tindakan yang kita lakukan.

Hadirin sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya menyeru anda sekalian untuk berusaha menjadikan UniMAP sebagai sebuah institusi yang ternama bukan sahaja di Malaysia malah ke persada antarabangsa. Kuatkan iltizam dalam menghadapi cabaran di tahun 2010 ini dan semoga kejayaan sentiasa menjadi milik kita.

***Jika dikenang, masa yang lalu,  
Pasti kita, kan lebih berusaha,  
Kekuatan iltizam, menjadi penentu,  
Kejayaan diraih, kegemilangan selamanya.***

Sekian. Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala  
Wabarakatuh.